

# Buletin

Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan

2021



<b>BIL</b>	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Sidang Redaksi	2
2.	Kata Aluan Ketua Jabatan JSKK	3
3.	Al- Fatihah Allahyarhamah Pn. Ruziela BT Mohamed Sharip	4
4.	Latar Belakang JSKK	5
5.	Visi & Misi	6
6.	Fungsi	7
7.	Piagam Pelanggan	8
8.	Carta Organisasi	9
9.	Program JSKK	10-16
10.	Penyertaan Pertandingan Luar	10-16
11.	Pencapaian/ Anugerah	10-16

# SIDANG REDAKSI

**PENAUNG**

EN. MAZLY BIN MOHD NOR



**PENASIHAT**

EN. MOHD TAJUDDIN BIN



**PENULIS/ EDITOR**

PN. NAVILAH BINTI MANSYUR



**JURUFOTO & PEKERA GRAFIK**

EN. KAMARUL AZHAR BIN MAT ZAN



## **KATA ALUAN KETUA JABATAN JSKK (EN. MAZLY BIN MOHD NOR)**

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan (JSKK) dapat menyempurnakan tanggungjawab bagi menerbitkan Buletin JSKK bagi Tahun 2021. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Redaksi JSKK PSAS 2021 yang telah menggembangkan idea dan tenaga dalam menerbitkan buletin yang memberikan informasi sedikit sebanyak berkenaan JSKK PSAS.

Selaras dengan budaya kerja yang berdedikasi dan berintegriti, saya mengharapkan ahli-ahli JSKK PSAS dapat memberikan khidmat bakti yang terbaik dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Integriti yang tinggi mestilah diamalkan oleh semua pihak dan pengabaiannya bukan sahaja membawa kerosakan kepada diri sendiri malah kepada orang lain dan organisasi. Integriti dan akauntabiliti haruslah seiring agar dapat melahirkan penjawat awam yang efisien, berdedikasi dan bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan. Di samping itu, sifat kerjasama dan bekerja dalam pasukan menjadi keutamaan dan togak penggerak 3 Unit penting di dalam JSKK iaitu Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan serta memastikan JSKK dapat menjalankan fungsinya dengan baik.

Sesungguhnya JSKK berusaha melahirkan graduan TVET yang cemerlang dengan befokuskan kepada Misi JSKK dalam melahirkan graduan berketrampilan yang mempunyai kecerdasan fizikal dan minda yang seimbang serta mempunyai daya saing yang tinggi ke arah memenuhi keperluan industri. Walaupun setelah lebih dua tahun segala aktiviti sukan di laksanakan secara atas talian namun dengan pengenalan norma baharu dan fasa endemik yang diisyiharkan oleh Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin diharapkan menjadi penyuntik semangat buat para atlet PSAS agar dapat menjalankan latihan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada warga JSKK PSAS dengan sumbangan bakti tenaga dan masa serta kerjasama yang padu dari semua pihak termasuklah Warga PSAS amnya dalam menaik taraf Laman Woodball PSAS sebanyak 24 fairway yang telah digunakan oleh Pelajar & kakitangan PSAS serta mendapat lawatan dari beberapa institusi lain.

Akhir kata, saya berharap dan menyeru agar pembudayaan sukan dan peningkatan bakat dalam kalangan pelajar serta kakitangan PSAS khususnya warga JSKK diteruskan agar dapat melahirkan warga PSAS yang sihat dan ceria.

Sekian. Terima kasih.

## Al- Fatihah

### Allahyarhamah Pn. Ruziela BT Mohamed Sharip



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ إِلَيْكَ نَبُدُ وَإِلَيْكَ سَتَبْعَدُ  
 إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ حِرَاطَ الظِّنَنِ الْمُبَطَّأَ  
 عَلَيْكَمْ فَعَلَيْهِمْ لَا يُخْضُرُوكُمْ وَلَا يُضَلِّلُوكُمْ

“Ketiadaanya Dicari, Kehadiranya  
 Dinanti, Pemergianya Dirindui, Kematianya Ditangisi, dan Kebaikannya Diteladani”.

Ayat yang paling tepat dalam memberi gambaran berkenaan keperibadian Penyelaras Kokurikulum Sukan Berkredit dan juga Penyelaras Sukan Bola Tampar Allahyarhamah Puan Ruziela bt Mohamed Sharip yang telah meninggal dunia pada 22 Julai 2021 (Khamis). Pemergian beliau merupakan satu kehilangan besar buat Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan (JSKK). Sumbangan, pencapaian, dan keperibadian beliau yang begitu mesra dengan semua kakitangan mahupun pelajar sangat dicemburui dan beliau merupakan rakan sekerja yang berdedikasi, ringan tulang dan tidak pernah lekang dari kata-kata nasihat & motivasi beliau.

Allahyarhamah Puan Ruziela telah mula menyumbangkan tenaga dan kepakaran dalam unit kokurikulum sekaligus menyelaras sukan Bola Tampar sejak dari tahun 2017 sehingga Julai 2021. Beberapa kejayaan yang membanggakan telah dicapai oleh Pasukan Bola Tampar sepanjang tempoh beliau memegang jawatan sebagai penyelaras antaranya Johan dalam Kejohanan Bola Tampar Pantai Terbuka pada tahun 2017, Naib Johan Kejohanan Bola Tampar Terbuka tahun 2018, Pingat Emas Bola Tampar lelaki dalam Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP) pada tahun 2019 dan beberapa kejohanan dalaman. Selain menjadi penyelaras pasukan beliau juga merupakan jurulatih bagi pasukan Bola Tampar PSAS, hal ini kerana beliau mempunyai kelayakan sijil Kejurulatihan bagi sukan Bola Tampar tahap 1 yang diiktiraf oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan.

Sepanjang memegang jawatan Penyelaras Kokurikulum Sukan Berkredit beliau telah menjalankan tugas dengan sangat cemerlang dalam memastikan pendaftaran pelajar berjalan dengan lancar termasuk pendaftaran pelajar *floating*. Selain itu, beliau juga bertanggungjawab dalam memantau pelaksanaan Pembelajaran dan pengajaran serta kehadiran pelajar sepanjang tempoh Pelaksanaan kursus kokurikulum berlangsung. Seluruh warga JSKK menghargai jasa dan pengorbanan beliau sepanjang berkhidmat di JSKK. Semoga beliau ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman. Amin.

“Ya Allah, ampuni dia, rahmatilah dia. Selamatkanlah dan maafkanlah dia. Berilah kehormatan untuknya, luaskanlah tempat masuknya. Mandikanlah dia dengan air ais, dan embun. Bersihkanlah dia dari kesalahan sebagaimana Engku bersihkan baju yang putih dari kekotoran. Gantikanlah baginya rumah yang lebih baik dari rumahnya. Masukkanlah dia ke dalam syurga, lindungilah dari azab kubur dan azab api neraka. Lapangkanlah baginya dalam kuburnya dan terangilah dia di dalamnya.” (HR. Muslim)

## LATAR BELAKANG

Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) yang dahulunya dikenali sebagai Unit Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan (USKK) telah wujud sejak penubuhan Politeknik Tanjung Malim (PTM) lagi. Seterusnya dinaik taraf menjadi sebuah Jabatan setelah berpindah ke kampus PSAS yang bertempat di Behrang Stesen. Pada mulanya PTM beroperasi di bangunan Sekolah Menengah Teknik, Slim River pada 1 Mac 2002 dan berpindah ke kampus sendiri berkeluasan 110 ekar di Behrang, Perak pada 1 April 2003 yang telah dirasmikan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dengan diberi nama baru iaitu Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS).

PSAS mempunyai kemudahan serta fasiliti sukan dan diantaranya adalah seperti Padang Bola dan Raghbi, gelanggang tennis, bola keranjang, softball, sepak takraw, bola tampar, gymnasium, badminton, woodball dan beberapa kemudahan lain. Selain daripada itu, PSAS juga mempunyai dua(2) Dewan Utama iaitu Dewan Muallim yang menempatkan 4 buah gelanggang Badminton serta Pusat Sukan yang memiliki 1 Gelanggang Badminton, 1 Gelanggang Sepak Takraw , Squash, Ping Pong serta Studio Muzik Moden & Tradisional.

JSKK merupakan satu-satunya jabatan yang mengelola pelbagai aktiviti sukan yang bukan sahaja melibatkan pelajar malah kakitangan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Selain itu, JSKK juga mempunyai Unit Kebudayaan yang berfungsi dalam mengasah bakat seni dan kebudayaan yang melibatkan nyanyian, band, tarian, caklempong dan muzik tradisional khusus untuk pelajar PSAS. Di samping itu, JSKK juga mempunyai Unit Kokurikulum yang berperanan penting dalam merangka program kokurikulum berkredit yang melibatkan Kelab berkredit, Badan Beruniform berkredit dan Sukan berkredit khusus untuk pelajar PSAS sepanjang semester pembelajaran & pengajaran berlangsung.

PSAS merupakan Pusat Kecemerlangan Atlet Politeknik (PKAT) bagi sukan Sepak Takraw dan Berbasikal Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP). Hal ini seiring dengan hasrat PSAS dalam melahirkan graduan TVET yang bukan sahaja cemerlang akademik malah dapat mengasah bakat kemahiran insaniah, pengurusan program serta aktif dalam kokurikulum, sukan & kebudayaan.

## **VISI & MISI**

### **VISI**

Menjadikan Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan PSAS Sebagai Peneraju Kecemerlangan Sukan, Kokurikulum Dan Kebudayaan di Peringkat Politeknik Malaysia.

### **MISI**

1. Membangun dan memperkasa program pembudayaan dan pembangunan sukan, kokurikulum dan kebudayaan di peringkat Politeknik Malaysia dalam melahirkan atlet intelek (The Thinking Athlete)
2. Melahirkan graduan berketrampilan yang mempunyai kecerdasan fizikal dan minda yang seimbang serta mempunyai daya saing yang tinggi ke arah memenuhi keperluan industri
3. Memperkasa kecemerlangan bakat pelajar bagi melahirkan graduan yang holistic, seimbang, berkualiti serta kebolehpasaran yang tinggi selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025.
4. Menyediakan fasiliti sukan, kokurikulum dan kebudayaan yang kondusif dan selamat bagi kegunaan pelajar ke arah memacu kecemerlangan pelajar di peringkat Politeknik.

## FUNGSI JSKK

JSKK menjalankan fungsi-fungsinya dalam merangsang serta memantau semua aktiviti sukan yang tedapat di PSAS sekaligus menyediakan, melatih dan menguruskan pasukan atlet PSAS dalam setiap kejohanan yang melibatkan pasukan PSAS. Selain daripada itu, JSKK juga berfungsi dalam merancang program-program di dalam serta luar PSAS yang melibatkan Pelajar terutamanya. Antara fungsi utama JSKK adalah seperti berikut:-

Fungsi utama JSKK: -

1. Merangsang, mengelola dan memantau semua aktiviti sukan dan kokurikulum di PSAS
2. Menyediakan pasukan-pasukan dalam semua jenis sukan dan kumpulan kokurikulum PSAS bagi semua aktiviti/pertandingan luar di semua peringkat (pemilihan, latihan, urustadbir)
3. Perolehan, pentadbiran dan penambahbaikan kemudahan serta peralatan sukan dan kokurikulum.
4. Pengurusan kokurikulum dan pengurusan peralatan sukan
5. Merancang program peningkatan kemahiran pelajar dan kakitangan dalam bidang sukan, kokurikulum dan kebudayaan.

## PIAGAM PELANGGAN

Kami beriltizam dan berjanji untuk memberi perkhidmatan seperti berikut:-


1. Permohonan menggunakan kemudahan sukan dan peralatan Tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh penggunaan.
2. Menganjurkan sekurang-kurangnya Dua (2) program sukan peringkat Politeknik Malaysia atau Kebangsaan dalam setahun.
3. Memastikan 98% pelajar lulus penilaian kokurikulum bagi setiap semester.
4. Menyertai Lima (5) Kejohanan / Pertandingan dan mencapai samada Emas, Perak atau Gangsa di peringkat Politeknik Malaysia/ Kebangsaan/ Anatarabangsa.
5. Sekurang – kurangnya 12 perkhidmatan kesukanan diberikan kepada komuniti.

# CARTA ORGANISASI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## CARTA ORGANISASI JABATAN SUKAN, KOKURIKULUM & KEBUDAYAAN



## PROGRAM JSKK

### **1. JAWATANKUASA LALU LINTAS PROGRAM MTS PELAJAR SEMESTER 1 MAC/2021**

JSKK dilantik menjadi Jawatankuasa Lalu Lintas dalam Program kemasukan pelajar Baru sesi 2/2020 yang diadakan pada Mac 2021 di KAMSID Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Jawatankuasa ini melibatkan semua kakitangan JSKK yang diketuai oleh Penyelaras Kokurikulum Badan Beruniform Berkredit Puan Nurul Alnor binti Nasaer serta dibantu oleh Bahagian Keselamatan PSAS. Program ini melibatkan beberapa wakil pelajar dari Badan Beruniform antaranya Relasis, Pispa, Wataniah dan Pengakap yang turut membantu dalam memastikan keadaan lalu lintas sepanjang program dalam keadaan terkawal.



### **2. LAWATAN PENANDA ARAS KE PERSATUAN BADMINTON PERAK**

Lawatan penanda Aras JSKK ke persatuan Badminton Perak yang bertempat di Ipoh Perak dilaksanakan pada 10 Mac 2021 yang dihadiri oleh Pengarah PSAS En.

Mohammad Zubir bin Mohd Hanifah, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik En. Arman bin Hj Ahmad Sapawi, Ketua Jabatan JSKK En. Mazly bin Mohd Nor, Serta Ketua Unit Sukan JSKK EN. Mohd Tajuddin bin Ahmad. Semoga kolaborasi bersama persatuan Badminton perak ini dapat menjadi pemudah cara dan membantu dalam prospek kerjaya para pelajar terutamanya atlet setelah menamatkan pelajaran di IPTA/IPTS mahupun karier dalam bidang sukan.



### **3. PROGRAM DERMA DARAH SEMPENA HUTPA**

Program Derma Darah ini melibatkan badan beruniform SISPA yang diketuai oleh En. Mohammad Adhar bin Mohamad Narsardin bertempat di Dewan Puspanita, Jalan Rumah Rehat Slim River Perak. Program ini diadakan pada 23 Mac 2021 bersempena Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam (HUTPA) yang ke 69. Program ini bukan sahaja dapat memupuk minat untuk menderma darah dalam kalangan pelajar malah ia juga dapat memupuk semangat kesukarelawanan dalam jiwa pelajar.



#### **4. PROGRAM MURAL PELAJAR DI JSKK**

Program mural yang diadakan pada 27 – 28 Mac 2021 yang bertempat di hadapan Stor Sukan JSKK mengikut rekaan dari Atlet Woodball Nurul Huda binti Hassan dan telah diluluskan oleh Pengarah PSAS. Program ini melibatkan beberapa atlet Woodball antaranya Muhammad Ulul Azmi Bin Mohd Fadzli (MPP Sukan), Nurul Huda binti Hassan (JKM), Muhammad Almuqaffa Bin Mohd Radzi (JKM) dan Nurfatihah Binti Husairi (JKE) yang diketuai oleh Pegawai Sukan En. Kamarul Azhar bin Mat Zan Dan dibantu oleh Puan Navilah binti Mansyur. Program ini telah dilaksanakan pada 27-28 Mac 2021 bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan silaturrahim ianya juga dapat memupuk sikap bekerjasama dalam kalangan pelajar.



#### **5. LAWATAN PANEL PENASIHAT PERSATUAN WOODBALL MALAYSIA KE LAMAN WOODBALL PSAS.**

Lawatan yang berlangsung pada 31 Mac 2021 oleh En. Zulkarnain setiausaha persatuan Woodball Malaysia dijemput sebagai penasihat dalam menaik taraf Laman Woodball PSAS mengikut spesifikasi yang betul sekaligus sebagai persediaan PSAS dalam penganjuran kejohanan bertaraf yang lebih tinggi.



#### **6. KLINIK WOODBALL KE KOLEJ KOMUNITI SUNGAI SIPUT**

Klinik Woodball dan Perlawanan Persahabatan antara Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) dan Kolej Komuniti Sungai Siput (KKSS) yang dilaksanakan pada 1 April 2021 melibatkan 13 orang kakitangan dan 12 Orang pelajar yang merupakan atlet Woodball PSAS. Penasihat Program En. Saiful adli bin Yusoff dan juga merupakan Penyelaras Sukan Woodball mengadakan penganjuran kali pertama ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pemain woodball psas agar dapat merasai suasana pertandingan dan variasi bentuk laman woodball yang berbeza. Disamping itu, turut diadakan perlawanan persehabatan antara PSAS & KKSS dan PSAS membawa pulang hadiah Tempat Kedua & Ketiga bagi kedua-dua kategori Lelaki & Wanita.



## 7. PERTANDINGAN E-SPORT TERTUTUP PSAS

Penganjuran E-Sport kali pertama bagi tahun 2021 telah diadakan pada 29 April- 2 Mei dan telah disertai oleh 32 kumpulan untuk permainan Digital Playerunknown's BattleGrounds (PUBG) dan 16 kumpulan Mobile Legend Bang Bang (MLBB). Pertandingan ini dikelolahi oleh Unit Sukan JSKK yang diketuai oleh En. Mohd Tajuddin bin Ahmad, En. Kamarul Azhar bin Mat Zan dan Navilah binti Mansyur serta dibantu oleh tiga orang urusetia lain dalam kalangan pelajar MPP iaitu Muhammad Shahril bin Juhari, Amirul Daniel Khoo bin Razman Khoo Kim Young, dan Muhammad Hariz bin Ahmad Rafie. Penganjuran ini mendapat sambutan yang amat baik dalam kalangan peserta dan berjaya mencapai objektif dalam mencungkil bakat atlet E-Sport dalam kalangan pelajar PSAS. Melalui pertandingan ini juga, JSKK telah menghantar beberapa kumpulan pemain E-Sport PSAS dalam kejohanan luar seperti IIESL21, POLYCC21 dan Umobile MLBB.



## 8. PROSES PENGURAIAN MASUK & KELUAR MURID SMK BEHRANG 2020.

Proses penguraian ini melibatkan beberapa pelajar badan beruniform PSAS anatranya SISPA, WATANIAH, RELA dan PENGAKAP yang telah dipantau oleh Penyelaras Kokurikulum Badan Beruniform Berkredit Puan Nurul Alnor binti Ahmad Nasaer. Proses penguraian ini dijalankan atas permohonan dari SMK Behrang 2020 agar pendaftaran pelajar untuk sesi persekolahan pada 5 April 2021 mengikut SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini bukan sahaja memupuk sikap kesukarelawan malah meningkatkan kerjasama dalam kalangan pelajar yang terlibat.



## 9. KURSUS ASAS GOLF SIRI 1

Program yang diadakan pada 29- 30 september 2021 dihadiri oleh 15 orang kakitangan Politeknik Sultan Azlan Shah dan disampaikan oleh 3 orang penceramah yang merupakan pemain Golf yang berpengalaman luas. Kursus ini bukan sahaja mengandungi teori berkenaan sukan Golf malah peserta juga berpeluang mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam sesi praktikal di padang PSAS. Di samping itu, turut diadakan *Mini Game* dalam kalangan peserta yang terlibat pada hari kedua program. Kesimpulannya, kursus ini dapat memupuk minat dalam kalangan peserta dalam sukan Golf.



## 10. SEMBANG SANTAI BERSAMA JSKK PSAS BIL.01

Sesi sembang santai ini dilaksanakan secara langsung pada 22 Sept 2021 (Rabu) melalui aplikasi facebook rasmi JSKK. Inisiatif ini dirangka bagi mendekatkan JSKK dengan pelajar dan sebagai salah satu platform dalam menjawab isu permasalahan pelajar berkenaan JSKK. Justeru, Bagi sesi yang pertama dimulakan dengan sesi pengenalan JSKK secara umum dikelolahi oleh Puan Navilah binti Mansyur dan Puan Nurul Alnor binti Nasaer sebagai panel serta En.Kamarul Azhar bin Mat Zan dan En. Mohammad Zaidi bin zainal sebagai Juruteknikal sepanjang program. Sambutan dari para pelajar sangat memberangsangkan, hal ini dapat dilihat melalui interaksi antara panel dan penonton sepanjang sesi ini melalui komen yang ditinggalkan di ruangan siaran langsung.



## 11. SEMBANG SANTAI BERSAMA KETUA UNIT KOKURIKULUM BIL.02

Sesi sembang santai kali ke-2 yang dilaksanakan pada 29 Sept 2021 (Rabu) secara langsung melalui aplikasi Teams diadakan khusus untuk menjawab persoalan pelajar semester 1 berkenaan kokurikulum dari aspek pendaftaran kursus kokurikulum atau I-koko serta kursus yang ditawarkan dan seumpamanya. Sembang santai kali ini mendapat sambutan yang sangat baik dalam kalangan pelajar psas khususnya pelajar semester 1.



## 12. PSAS-POLMAN VIRTUAL STUDENT EXCHANGE PROGRAM (PSAS INBOUND) SLOT: JOGET & RONGGENG

Program ini dianjurkan oleh Unit Pengantarabangsaan PSAS bersama Politeknik Manufaktur Bandung. JSKK mengambil peluang slot yang telah diberikan dengan mengadakan aktiviti Silang Budaya Kesenian Joget & Ronggeng yang di ketuai oleh Ketua Unit Kebudayaan Puan Siti Fatimah binti Ahmad Hisam yang dibantu oleh En. Mohd Izwan bin Saharuddin dan En. Yazid bin Osman serta warga JSKK yang lain pada 6 Oktober 2021. Selain daripada pengenalan berkenaan Joget & Ronggeng, pengisian slot juga dipenuhi dengan sesi praktikal dan persembahan yang dibantu oleh dua orang pelajar kebudayaan. Pelajar POLMAN juga berkesempatan untuk berkongsi antara tarian yang terkenal dan selalu ditarikan dalam upacara di Indonesia kepada Pelajar PSAS.



### **13. PSAS VIRTUAL RIDE & RUN 2021**

Bersempena Hari Sukan Negara 2021 pada 8-10 Oktober, JSKK dengan kerjasama Jabatan Belia & Sukan Daerah Muallim menganjurkan program Berbasikal dan Larian secara atas talian dengan jarak masing-masing 20 KM & 5 KM berkonsepkan "Fun Run". Pengajian bersama komuniti ini mendapat sambutan yang sangat baik dalam kalangan warga muallim dengan keseluruhan penyertaan adalah seramai 226 orang dan penyertaan yang paling muda diterima adalah penyertaan kanak-kanak berumur 9 Tahun. Pengajian kali ini Berjaya mencapai objektif pengajian dalam memupuk semangat bersukan dalam kalangan warga Muallim khususnya.



### **14. PSAS VIRTUAL TIMANG BOLA SEPAK TAKRAW**

Pengajian Program ini adalah secara atas talian bersempena Hari Sukan Negara 2021 (HSN21). Ianya diadakan bermula dari tarikh 8 hingga 10 Oktober 2021 dengan kerjasama Pejabat Belia Daerah Muallim melibatkan Peserta dalam kalangan warga PSAS dan Juga Penduduk Muallim mengikut syarat yang telah ditetapkan. Pengajian ini berkonsepkan pertandingan mengikut dua (2) kategori iaitu kategori Pelajar PSAS dan Kategori Terbuka. Penyertaan dalam pertandingan ini sangat baik dan diharap akan diteruskan pada masa akan datang.



### **15. KURSUS ASAS GOLF SIRI 2**

Program ini adalah kesinambungan kursus asas Golf Siri 1 yang diadakan di Padang JSKK. Namun untuk siri kedua (2) kursus tersebut dianjurkan bertempat di Laman Golf yang sebenar iaitu Bukit Beruntung Golf and Country Club. Diadakan selama dua (2) hari bermula dari 21 hingga 22 Oktober 2021. Peserta bukan sahaja dapat mengaplikasikan teori yang telah dipelajari malah dapat merasai sendiri pengalaman bermain di Laman Golf yang sebenar.



### **16. PERLAWANAN PERSAHABATAN WOODBALL PSAS, PSA & PMS.**

Lawatan dan perlawanan persahabatan antara Tiga (3) Politeknik iaitu Politeknik Sultan Azlan Shah, Politeknik Shah Alam dan Politeknik Muadzam Shah di Laman Woodball PSAS. Program melibatkan Kelab Sukan Woodball PSAS dan JSKK PSAS.



## 17. JALINAN WARISAN KEBANGSAAN DAN UNESCO (JIWAKU) POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA 2021

Melibatkan semua Politeknik dan Kolej Komuniti di Malaysia yang dirasmikan oleh Ybrs. Ts. Zainab binti Ahmad pada 27 Oktober 2021. Program ini menjadi satu platform terbaik untuk digabungjalinkan bersama pendidikan serta latihan Vokasional (TVET) dalam melahirkan kebolehpasaran graduan yang seterusnya akan membentuk modal insan seimbang sekaligus dapat menjamin pembangunan sesebuah negara. Program ini dihadiri oleh beberapa Peserta Kebudayaan yang diketuai oleh Ketua Unit Kebudayaan Puan Siti Fatimah dan dibantu oleh jurulatih Kebudayaan En.Yazid bin Osman.



## 18. JAWATANKUASA LALU LINTAS PENDAFTARAN PELAJAR BARU SESI 1 2021/2022

Bagi sesi pendaftaran Pelajar Baru Sesi 1 2021/2022 yang diadakan pada 8-10 November 2021 mengikut SOP yang telah ditetapkan MKN & KPT. JSKK seperti sebelum ini menjalankan tugas sebagai Jawatankuasa Lalu Lintas yang diketuai oleh Puan Nurul Alnor binti Nasaer Penyelaras Kokurikulum Badan Beruniform berkredit . Keadaan lalu lintas sangat baik sepanjang program dan tidak berlaku sebarang kesesakan dengan kawalan dari pelajar badan beruniform antaranya Relasis, Pispa, Pengakap dan Wataniah.



## 19. PERLAWANAN PERSAHABATAN WOODBALL PSAS DAN POLI BANTING

Program yang dianjurkan oleh pelajar Kelab Woodball PSAS melibatkan 9 orang atlet woodball PSAS di bawah bimbingan penyelaras sukan Woodball En.Saiful Adli bin Yusoff yang diadakan di Laman Woodball Politeknik Banting pada 17 November 2021. Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan serta pengalaman baru kepada para peserta dalam kejohanan dan pengalaman bermain di laman woodball yang berbeza. Di samping itu, melatih pelajar kemahiran pengurusan woodball bermula dari pembuatan kertas kerja sehingga penyediaan laporan program.




## 20. PROGRAM PENCARIAN BAKAT BAHARU PSAS

Unit Kebudayaan & Warisan seni menganjurkan pencarian bakat baru bagi kategori Vokalis, Band Muzik, Tarian, & Caklempong/Dikir Barat yang diadakan pada 18 November 2021 bertempat di Pusat Sukan PSAS. Pengajian ini diadakan bagi mencari bakat baru dan sebagai persediaan untuk program kebudayaan yang akan datang terutamanya Pesta Konvo PSAS 2022.



## 21. BUSKING PSAS

Julung kalinya Unit Kebudayaan menampilkan program santai yang dinamakan Busking PSAS. Program ini diadakan di Kafetaria Kamsis PSAS pada 27 Nov 2021 pukul 8:45PM dengan kerjasama dari KOPSAS Berhad. Pengajian ini adalah satu program santai bagi memeriahkan kafetaria PSAS terutama bagi pelajar yang tidak dapat balik ke kampung pada hujung minggu. Disamping itu, dapat memperkenalkan Unit Kebudayaan dan Kelab Warisan Seni PSAS sekaligus sebagai platform yang baik melatih pelajar yang terlibat dalam membuat persembahan secara terbuka bersama penonton.



## 22. MESYUARAT PERANCANGAN STRATEGIK JSKK 2022

Mesyuarat yang diadakan pada 09 Disember 2022 bertempat di Menara KLCC dan dihadiri oleh semua warga JSKK and Jemputan Istimewa Pengarah PSAS En. Muhammad Zubir bin Mohd Hanifah. Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Jabatan JSKK En. Mazly bin Mohd Nor membincangkan aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun 2022 dalam suasana yang santai.



Buletin Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan (JSKK) Edisi pertama tahun 2021 mengandungi maklumat aktiviti yang telah dijalankan oleh JSKK sepanjang tahun 2021 secara ringkas. Pandemik yang berlaku di Malaysia sejak tahun 2019 sehingga tahun 2020 telah membataskan pergerakan dan penganjuran aktiviti seluruh Malaysia khususnya dalam kampus PSAS, implikasinya banyak program yang telah dirancang terpaksa ditangguhkan manakala sebahagianya berjaya dijalankan pada tahun 2021. JSKK akan terus komited dalam pembangunan sukan di PSAS terutamanya dalam mencapai Misi JSKK sebagai peneraju kecemerlangan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan peringkat Politeknik.

Publish by:

Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan (JSKK)  
Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)  
Behrang Stesen, Behrang  
35950, Perak.  
Tel: 05- 4541406  
Faks: 05- 4544993  
Email: [Http://www.psas.edu.my](http://www.psas.edu.my)

Terbitan Pertama Tahun 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, ditukar ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar atau sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Buletin Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan

e-ISBN

